

MRT umum kontraktor laksana projek

MRT Corporation memberi dua pakej pembinaan yang bernilai RM1.738 bilion untuk laluan My Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang kepada IJM Construction Sdn Bhd dan Ahmad Zaki Sdn Bhd.

Dalam satu kenyataan di Kuala Lumpur semalam, syarikat itu berkata, IJM Construction dilantik sebagai kontraktor utama untuk Pakej V5 yang meliputi pembinaan dan penyudahan 'Viaduct Guideway' serta kerja lain yang bersangkutan dari Portal Maluri ke Stesen Plaza Phoenix bernilai RM974 juta.

Ahmad Zaki dilantik sebagai kontraktor utama untuk Pakej V6 yang meliputi pembinaan dan penyudahan 'Viaduct Guideway' dan kerja berkaitan yang lain dari Plaza Phoenix ke stesen Bandar Tun Hussein Onn dengan nilai kontrak RM764 juta.

Dua pemberian itu tertakluk kepada penender yang berjaya menerima

Fakta

JM Construction dilantik sebagai kontraktor utama untuk Pakej V5 yang meliputi pembinaan dan penyudahan 'Viaduct Guideway' serta kerja lain

Surat Anugerah dikeluarkan MRT Corp bila tiba masanya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Azhar Abdul Hamid berkata, selepas penilaian yang ketat dan menyeluruh oleh Jawatankuasa Perolehan Sehari (OSPC) yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, MRT Corp berbesar hati mengumumkan pemberian kontrak ini kepada IJM Construction dan Ahmad Zaki.

Dua syarikat itu disokong pasukan pengurusan berpengalaman dengan rekod mantap menyiapkan projek mengikut masa dan lingkungan kos.